

INFO US\$AHAWAN

usahawan pemacu ekonomi mapan

EDISI 25

ISSN 1823-6421



Keusahawanan Sosial Di Era Pandemik Dan Endemik



Mohd Aidil Riduan Awang Kader*, Musramaini Mustapha

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Pahang, Cawangan Jengka

*Koresponden: aidilriduan@uitm.edu.my

Seorang usahawan sosial sanggup mengambil risiko dan bekerja keras untuk membuat perubahan dalam masyarakat bagi membantu komuniti setempat daripada segi ekonomi mahupun sosial. Usahawan sosial yang berjaya adalah agen perubahan dan mereka didorong untuk menjalankan perniagaan bukan semata-mata untuk mengaut keuntungan tetapi keinginan untuk membantu dan memperbaiki kehidupan komuniti setempat. Mereka juga sentiasa melihat sesuatu secara berbeza daripada kebanyakan usahawan lain. Misalnya, sesuatu masalah mungkin kelihatan sukar diatasi oleh orang lain tetapi usahawan sosial melihatnya sebagai peluang untuk berinovasi. Mereka mengambil masalah itu dan mencipta produk, perkhidmatan atau teknik baharu untuk mengatasinya. Keusahawanan sosial adalah gabungan kreativiti dan praktikal. Usahawan sosial yang berjaya mempunyai idea yang bernas, pengetahuan komersial untuk merealisasikan dan sentiasa mengkaji permintaan pasaran, sumber kewangan dan kekurangan serta peluang yang ada untuk membantu menambah pendapatan mereka yang seterusnya boleh disumbangkan kembali kepada masyarakat setempat yang memerlukan.

Antara tokoh usahawan sosial yang berjaya membantu masyarakat setempat ialah Profesor Muhammad Yunus iaitu pengasas Bank Grameen, Bangladesh yang menyediakan dana untuk memulakan perniagaan kepada masyarakat luar bandar bagi melepaskan diri daripada kepompong kemiskinan. Selain itu, chef selebriti terkenal Jamie Oliver turut berperanan membantu golongan muda yang kurang bernasib baik untuk memperbaiki kehidupan mereka melalui masakan dengan memperkenalkan restoran Fifteen. Golongan muda ini diajar tentang penyediaan makanan dan hospitaliti serta selok belok perniagaan agar mereka boleh berdikari dan meningkatkan taraf hidup kelak. Di Malaysia, terdapat beberapa usahawan sosial yang membantu masyarakat setempat terutama pada musim pandemik Covid-19 melanda dengan menjalankan perniagaan sambil beramal. Misalnya Wan Azuar, pemilik Kerisik Café & Katering di Kota Damansara, Selangor menjalankan perniagaan sambil membantu penduduk setempat yang kehilangan pendapatan dan pekerjaan akibat pandemik dengan menyediakan makanan percuma pada setiap hari Jumaat. Langkah ini turut dilakukan oleh usahawan Mohd Rizal Othman, pemilik As Samad Café, bertempat di Ampang dengan membantu mereka yang terjejas oleh pandemik Covid-19 dengan mengagihkan sekurang-kurangnya 50 bungkusan makanan percuma setiap hari. Malah aktiviti ini turut mendapat sokongan masyarakat setempat dengan menyumbang dana untuk kesinambungan program yang dilakukan ini. Penyertaan pelbagai kumpulan umur dan kaum ini juga telah menggalakkan keharmonian dan perpaduan masyarakat.

Ini menunjukkan usahawan sosial melalui kegiatan komersial mereka secara amnya menitik beratkan aspek nilai kemasyarakatan selain menerapkan prinsip perniagaan iaitu untuk memperolehi keuntungan. Usahawan sosial, disamping memberi tumpuan kepada konsep ekonomi, turut menyerahkan konsep sosial. Oleh itu, ramai usahawan sosial menggunakan model "perniagaan inklusif" untuk membantu mereka yang kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan bagi menyara keluarga dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan ini. Usahawan sosial juga dilihat cuba memperkenalkan produk inovasi yang lebih mampu milik dan kos efektif. Ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umum melalui kegiatan perniagaan yang diusahakan mereka.

Secara tidak langsung, ini boleh menerapkan konsep "berniaga sambil beramal," yang berbeza dengan aktiviti organisasi bukan kerajaan (NGO) yang bergantung kepada pembiayaan kerajaan dan pihak tertentu untuk menggiatkan aktiviti mereka.

Tumpuan harus diberikan kepada mengurusperdanakan aktiviti keusahawanan sosial ke dalam aktiviti ekonomi negara terutama di era endemik ini. Untuk memaksimumkan potensi keusahawanan sosial langkah-langkah awal dan praktikal harus dikaji semula oleh kerajaan dan kementerian yang berkaitan. Pertama, pemupukan nilai dan elemen keusahawanan sosial haruslah diterapkan di peringkat akar umbi masyarakat. Ini boleh dicapai dengan melibatkan institusi pendidikan, kementerian dan badan berkaitan, serta NGO yang boleh mengajar golongan muda tentang keusahawanan dan keusahawanan sosial. Misalnya, FINCO (Financial Industry Collective Outreach) kini melaksanakan projek perintis Good SENS dengan kerjasama Bank Negara Malaysia dan Akademi Perusahaan Sosial Malaysia untuk mengajar celik kewangan kepada golongan muda dan pelajar sekolah. Kedua, kerajaan harus mengutamakan transformasi yang sistemik bagi memastikan negara berdaya maju untuk jangka panjang dan kesinambungan keusahawanan sosial negara dapat diteruskan. Biasanya, keusahawanan sosial dianggap sebagai satu usaha "political mileage" yang hanya membantu segelintir pihak dan kurang menyeluruh dalam pelaksanaannya. Adalah wajar bagi kerajaan untuk mewujudkan inisiatif jangka panjang secara berperingkat dan pragmatik, kerana negara maju seperti UK, AS, Korea Selatan, dan Singapura telah mengambil kira peranan keusahawanan sosial sebagai satu langkah strategik dalam agenda pembangunan ekonomi dan sosial rakyat mereka. Di Malaysia, kerajaan boleh berperanan dengan memberi insentif komersial termasuk pelepasan cukai dan insentif pelaburan untuk usahawan sosial di negara ini.

Kebanyakan negara maju sudah mengorak langkah untuk memperkasakan dan memberi tumpuan kepada keusahawanan sosial terutama di era pandemik dan endemik ini sebagai salah satu usaha bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat yang terkesan ekoran wabak ini. Justeru, kerajaan khususnya perlu merombak strategi pembangunannya, dengan memberi tumpuan kepada keusahawanan sosial untuk manfaat jangka panjang. Sehingga kini, keusahawanan sosial mempunyai potensi yang tidak dapat dinafikan yang boleh dipertingkatkan jika diambil dan disesuaikan dengan agenda negara. Usahawan sosial juga perlu mengamalkan konsep "berniaga sambil beramal" khususnya di era endemik ini bagi membantu meningkatkan kegiatan sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Rujukan:

1. Bharian.com.my (2021). Pacu ekonomi negara melalui keusahawanan sosial lestari. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/05/814533/pacu-ekonomi-negara-melalui-keusahawanan-sosial-lestari>
2. jiran.com.my (2021). Cabaran Kerisik Café & Katering Meneruskan Perniagaan dan Beramal. <https://jiran.com.my/cabaran-kerisik-cafe-catering-meneruskan-perniagaan-dan-beramal/>